

KESENIAN BAHASA KADAZAN

oleh

Rita Lasimbang
Kadazandusun Language Foundation (KLF)
(Yayasan Bahasa Kadazandusun)

dibentangkan dalam

**Wacana Kearifan Tempatan Sabah
“Wahana Kelestarian Bangsa”**

pada

25 Februari 2021

anjuran

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah
dengan kerjasama
Bahagian Multimedia, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan kesenian bahasa Kadazan melalui kesusasteraan lisan ataupun tradisi lisannya. Masyarakat Kadazan kaya dengan kepelbagaian kesusasteraan yang diperturunkan daripada generasi kepada generasi secara lisan tanpa adanya penulisan sebelum ini. Kekayaan kesusasteraan yang diwarisi ini menjadi simbol identiti diri dan keunikan etnik Kadazan di Sabah. Tradisi lisan masyarakat Kadazan telah pun mula direkodkan dan dibukukan untuk dijadikan warisan bercetak (heritage-in-print) seiring dengan wujudnya sistem penulisannya pada 1950-an.

*Seterusnya, kertas kerja ini membincangkan soal Kearifan Tempatan Sabah dengan merujuk khusus kepada kearifan masyarakat Kadazan yang digambarkan dan dihuraikan melalui kesusasteraan lisannya, antaranya ialah mananong (Seni menyampaikan cerita rakyat/**tanong**), monugandoi (Seni menyampaikan **sugandoi**), humius (Seni menyampaikan **hius**) dan magaagandai (Seni menyampaikan **andai**).*

Kata kunci: Tradisi lisan, bahasa Kadazan, kearifan tempatan, kesenian bahasa, cerita rakyat/tanong, mananong, sugandoi, humius, hius, magaagandai.

1.0 PENGENALAN

Sejak turun-temurun lagi penghafalan yang mendalam (*strict memorisation*) mengenai ilmu pengetahuan orang asal dan maklumat penting merupakan satu-satunya cara bagaimana penutur bahasa orang asal seperti Kadazan dapat memelihara dan meneruskan penggunaan bahasa ibunda mereka.

Masyarakat Kadazan kaya dengan kepelbagaian kesusasteraan yang diperturunkan daripada generasi kepada generasi secara lisan tanpa adanya sistem penulisan sebelum ini. Kekayaan kesusasteraan yang diwarisi ini menjadi simbol identiti diri dan keunikan etnik Kadazan di Sabah.

Dengan peredaran masa, maka wujudlah keperluan untuk merekod secara kekal kesusasteraan, ilmu watan, sejarah dan sains masyarakat Kadazan. Antara cara untuk merekod adalah melalui penulisan, akan tetapi sebelum ini tidak ada sistem penulisan bahasa Kadazan.

Bahasa Kadazan telah mula mendapat sistem ejaan dan penulisan awal sejak pertengahan 1950-an, iaitu ketika pengajaran bahasa Kadazan di sekolah-sekolah rendah mubaligh yang kemudiannya dipanggil *Native Voluntary Schools (NVS)*.

Semenjak itu, penggunaan bahasa Kadazan telah berkembang dan diguna pakai dalam media cetak dan media massa. Sekitar tahun 1953, surat khabar *Sabah Times* yang menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya telah mewujudkan kolum yang menggunakan bahasa Kadazan, yang diberi nama *Kadazan Corner*. Pada tahun seterusnya, Radio Sabah memulakan rancangan bahasa Kadazan setiap hari selama 15 minit, selama tiga tahun. Atas sambutan yang baik daripada para pendengar, masa siaran rancangan ini ditambah kepada 14 jam seminggu.

Kamus pertama dalam bahasa Kadazan, *Kadazan Dictionary and Grammar*, oleh Rev. A. Antonissen telah diterbitkan pada 1958. Borneo Literature Bureau (BLB) yang terletak di Kuching merupakan organisasi pertama menerbitkan beberapa buah buku yang ditulis dalam bahasa Kadazan. Era muzik bagi bahasa Kadazan bermula sekitar 1970-an.

Bagi perkembangan bahasa seterusnya, sistem ortografi bahasa Kadazan diapiawaikan (*standardised*) pada tahun 1985. Antara penerbitan pertama yang menggunakan sistem penulisan yang telah diapiawaikan ialah 12 buah buku

kanak-kanak yang dihasilkan semasa Bengkel Penghasilan Buku Kanak-kanak pada tahun 1985 dan seterusnya Kamus *Kadazan-Dusun-Malay-English* yang diterbitkan pada tahun 1995 (diulang cetak 2015) oleh Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun (KDCA).

Justeru, seiring dengan kewujudan sistem penulisan bahasa Kadazan, sastera lisan masyarakat Kadazan dapat ditranskripsi dan dibukukan. Selain itu, ia juga direkod dalam bentuk audio dan video untuk menambah koleksi seni bahasa. Dokumentasi sastera lisan ini sangat penting kepada generasi muda, kerana ia menjadi bahan untuk dikaji, dipelajari, diaplikasi dan diwariskan kepada generasi seterusnya agar tidak hilang ditelan zaman.

2.0 KEARIFAN TEMPATAN MASYARAKAT KADAZAN

Kearifan tempatan merujuk terhadap kefahaman, kemahiran dan falsafah yang dikembangkan oleh komuniti yang mempunyai sejarah panjang melalui interaksi dengan persekitaran semula jadi mereka, Flavier (1995).

Selain bahasa ibunda, masyarakat Kadazan juga kaya dengan kearifan tempatannya yang lain. Antaranya budaya, adat dan pantang larang, makanan tradisi, pakaian tradisi, tarian tradisi, muzik dan alat muzik tradisi, upacara ritual dan juga kesusasteraannya.

Menurut Stith Thompson (2017), *folk literature* (sastera rakyat), juga disebut tradisi cerita rakyat atau lisan, ialah pengetahuan (pengetahuan dan kepercayaan tradisional) budaya yang tidak mempunyai bahasa bertulis. Ini disampaikan dari mulut ke mulut, seperti sastera bertulis, iaitu narasi prosa dan ayat, puisi dan lagu, mitos, drama, ritual, peribahasa, teka-teki, dan sejenisnya. **Kesenian bahasa** yang terdapat dalam **kesusasteraan lisan** masyarakat Kadazan menggambarkan salah satu kearifan masyarakatnya. Kesusasteraan lisan Kadazan meliputi seni tuturan dan ekspresif yang mempunyai nilai estetika, menggambarkan kehalusan dan keindahan karya yang menyenangkan. Di samping itu, ia juga dapat memberikan kepuasan estetik (bentuk perasaan indah) yang muncul dari dalam diri penulis ataupun pembaca/pendengarnya.

Tradisi lisan merupakan identiti diri masyarakat Kadazan dan merupakan sistem komunikasi masyarakat dalam berintegrasi antara golongan tua dan muda, di samping mewariskan identiti diri ini kepada mereka. Tradisi lisan juga menjadi salah satu alat pendidikan yang diadun dengan unsur-unsur pengajaran, moral ataupun ilmu pengetahuan yang tinggi nilainya.

Antara kesusasteraan Kadazan yang dibincangkan dalam kertas kerja ini ialah *mananong* (Seni menyampaikan *Tanong*/cerita rakyat), *monugandoi* (Seni menyampaikan *Sugandoi*), *humius* (Seni menyampaikan *hius*) dan *magaagandai* (Seni menyampaikan *andai*).

2.1 MANANONG (Seni menyampaikan tanong/cerita rakyat)

Cerita rakyat ataupun *tanong* bagi masyarakat Kadazan berbentuk **prosa**. *Tanong* berperanan sebagai alat (*tool*) untuk mendidik kanak-kanak tentang adat budaya dan nilai-nilai moral. Ia juga menggambarkan ciri-ciri pemikiran masyarakat. Cerita rakyat mempunyai kronologi plot cerita, iaitu permulaan, perkembangan yang terdiri daripada episod-episod, klimaks dan penutup yang mengandungi pengajaran nilai moral. Kadangkala cerita rakyat mengandungi puisi seperti sajak, iaitu *hius* dan *sugandoi*.

Mananong merupakan sesi bercerita atau menyampaikan cerita rakyat bagi masyarakat Kadazan. Selain untuk hiburan, *mananong* merupakan cara masyarakat Kadazan menyampaikan ilmu tentang budaya dan pengajaran tentang nilai moral kepada pendengar.



Orang tua-tua yang arif selalu bercerita atau *mananong* kepada anak-anak dan cucu cicitnya pada masa-masa atau acara-acara tertentu. Pada masa dahulu, *mananong* dilakukan pada sebelah petang selepas makan malam dan sebelum tidur.

Tema yang biasa digunakan antaranya seperti kepercayaan, percintaan, pengembaraan, kesaktian dan kehidupan seharian. Tema cerita rakyat bagi kanak-kanak selalunya berkaitan binatang.

Kearifan tempatan dapat digambarkan dalam jalan cerita sesuatu cerita rakyat yang diwarisi daripada nenek moyang serta dalam cara penyampaian

cerita rakyat tersebut. Seorang penyampai cerita rakyat yang mahir dan berbakat boleh menjadikan sesi *mananong* pengalaman yang sungguh menyeronokkan kepada pendengarnya.

2.1.1 Cerita rakyat tentang binatang



Cerita rakyat yang paling lazim digunakan oleh ibu bapa atau orang tua-tua dalam kalangan masyarakat Kadazan untuk mengajar kanak-kanak tentang budaya dan nilai moral ialah *Si Kura-kura dan Si Monyet (I Buu om i Bado)* dan *Si Siput dan Si Rusa (I Biid om i Tambang)*.

Dalam cerita *Si Kura-kura dan Si Monyet*, Si Kura-kura dan Si Monyet bersahabat baik. Kedua-duanya menanam pokok pisang. Si Kura-kura menunggu pokok pisangnya berbuah. Si Monyet pula tidak dapat menunggu dan memakan pucuk muda pokok pisangnya. Maka, pokok pisang tersebut pun tidak dapat tumbuh membesar. Apabila pokok pisang Si Kura-kura berbuah dan sudah masak, Si Monyet menawarkan diri untuk memanjat dan mengambil buah pokok pisang tersebut untuk dimakan. Si Kura-kura bersetuju. Walau bagaimanapun, Si Monyet memakan buah pisang tersebut hingga habis. tanpa memberikan sebiji pun kepada Si Kura-kura. Maka, Si Kura-kura pun menjadi marah, lalu meminta bantuan daripada kawannya Si

Ketam. Si Ketam pun memanjat pokok pisang tersebut dan mengepit Si Monyet. Akibatnya, Si Monyet terjatuh dan mati.

Dalam cerita *Si Siput dan Si Rusa*, Si Rusa pertama kali berjumpa dengan Si Siput ketika minum air di sebatang anak sungai. Dia mengejek Si Siput yang sangat kecil dan bergerak sangat perlahan berbanding dengan badannya yang cantik dan kakinya yang panjang. Dia mentertawakan Si Siput. Si Siput marah dan mencabarnya untuk berlumba. Si Rusa bersetuju menyambut cabaran Si Siput dan mereka menetapkan hari perlumbaan pada hari ketujuh, iaitu merentas tujuh bukit. Walau bagaimanapun, tanpa pengetahuan Si Rusa, Si Siput mengalahi Si Rusa dengan memanggil enam siput yang lain untuk berada di setiap bukit, supaya apabila Si Rusa sampai ke setiap bukit tersebut, Si Siput sudah berada di sana. Sudah tentulah Si Rusa tewas dalam perlumbaan tersebut, lalu Si Rusa tunduk dan meminta maaf kepada Si Siput.

Binatang seperti kura-kura dan siput merupakan dua binatang dalam cerita rakyat Kadazan yang selalu menjadi pemenang, walaupun kedua-duanya bergerak dengan perlahan. Mereka dianggap rendah hati dan bijak. Sebaliknya, monyet dianggap gelojoh dan hanya mementingkan dirinya sahaja. Rusa pula disamakan dengan seseorang yang angkuh, sombong dan terlalu megah dengan dirinya.

Cerita rakyat seperti di atas berfungsi sebagai panduan akhlak yang mengatakan seseorang itu janganlah menjadi seperti si monyet yang gelojoh, tetapi seseorang itu hendaklah belajar bermurah hati dan berkongsi. Kesombongan juga antara yang dijaui dalam pengajaran tentang akhlak kanak-kanak dalam kalangan masyarakat Kadazan walaupun mereka lebih berada dan lebih pandai daripada orang lain; jika tidak, suatu hari nanti mereka akan ditundukkan oleh orang yang dipandang rendah sebelum itu, seperti dalam kisah Si Rusa yang ditundukkan oleh Si Siput.

2.1.2 Cerita Rakyat bertajuk “Pomogunan” (“Bumi”) oleh Puan Rosina Sogondu

Berikut ialah cerita rakyat tentang penciptaan bumi dan langit yang telah ditulis dan diterbitkan dalam buku *Susuzan do Kadazan* (1999). Cerita ini

menggambarkan kearifan pemikiran masyarakat Kadazan dalam menghuraikan bagaimana bumi, gunung-ganang dan langit terbentuk.

POMOGUNAN

Sonsusui: Rosina Sogondu-Lasimbang

Pinoposuat : Rita Lasimbang

Ii nopo di tinuu i', aiso po haid do pomogunan; aiso po do nuununu doiti' id pomogunan. Kivaa no do iso' vatu do potindugu' do mindai-indai.

Dadi' imang no pihapak i vatu dii om kivaa do duvo tanak do poinsuang do doiho', iso' o kusai om iso' o tondu'. Doiho' nodii do poinsakai di vatu i duvo tanak dii. Id suang nopo di vatu di minihapak dii nga' kivaa do iso' hokos.



Ontok kagazo i duvo tanak dii om miho-iho nodii, kivaa do noigitan di kusai om singudo' nopo disido ii nga' miaga kozo do vongi' do sinupu'. Komozon nopo do sinupu' nga' tavan. Kivaa nogi'

1

Pada zaman dahulu, ketika bumi belum lagi dicipta, hanya terdapat sebuah batu bulat yang seolah-olah terapung-apung.

Pada suatu hari, batu bulat tersebut terbelah dua dan terdapat seorang bayi perempuan dan seorang bayi lelaki. Kedua-dua kanak-kanak ini membesar dengan bijaksana dan mereka dikurniakan kuasa sakti untuk mencipta langit dan tanah bumi.

Si lelaki tersebut telah mencipta langit, namun ia lebih kecil daripada tanah yang dicipta oleh si perempuan. Maka, si Lelaki melonggokkan tanah yang dicipta oleh si perempuan supaya boleh ditutupi oleh langit yang diciptanya. Justeru, tanah yang dicipta oleh si perempuan telah menjadi tinggi dan terdapat juga tanah rata.

Oleh itu, nenek moyang terdahulu percaya bahawa gunung dan bukit yang terdapat di kawasan mereka merupakan longgokan tanah tersebut supaya boleh ditutupi oleh langit.

2.1.3 Cerita Rakyat bertajuk “Tuahi” (“Seruling hidung”) oleh Puan Theresa Andi Kouju

Berikut ialah cerita yang mengisahkan asal usul seruling hidung (*Susuzan do Kadazan*, 1999). Cerita ini menggambarkan kearifan masyarakat Kadazan dalam menghasilkan alat muzik tradisi seperti seruling hidung. Kini alat muzik tradisi ini digunakan dalam menyampaikan berita kematian seseorang dalam kalangan masyarakat Kadazan.

TUAHI

Sonsusui: Theresa Andi Kouju
Pinoposuat: Edwin Malangkas

Tuahi nopo nga' iso' tuunizon do koubasanan doun taki-aki' tokou nga' aiso po do noihaan tokou do ingkuo o tuunizon diti do notodo om nunu o guno dau. Nga' kivaa ditia susuzan toi tanong kokomoi do tuahi.

Ii nopo di tinuu i', tinau' nopo do taki-aki' nga' songintimung do mogiigizon doid paud do nuhu om tana' di tohumpoo i miho do vaahan do hamin. Ii nopo ponong doid sondot nga' pomutanaman dioho' do paai tidong, bavang, kinotuan, om suvai po. Maid-haid nopo dii nga' au' dii kouha' o takanon tu' mapou-sapou o tuhun om muang-kuang o hinuub do tana'.

Insan tadau, pongitung no o iso' paganakan do mundahiu do osoosodu' i' do mantad di kampung nizonon dioho' tu' tinanda' no do mogium do koposizon soosondii'. Ngaan nopo di kusai dino nga' zi Olu' om ii nopo savo dau nga' zi Tindai. Iso' no o tanak dioho' do kusai, i nopunganaan dioho' do zi Otu'. Onini' po zi Otu' do ontok ovito' do mohoing dau do minogiigizon doid tempat dino.

Napadan nodii o toun do hinaid dioho' do doiho' nga' aiso i' do noongoi-ongoi dioho' tombuhuzo' tu' osodu' kozo om aiso nogi' do

25

Cerita ini mengisahkan bagaimana seruling hidung muncul. Dahulunya, terdapat seorang budak bernama Otu' yang tinggal di hujung kampung bersama-sama keluarganya. Beliau telah kematian ibunya, manakala bapanya pula telah meninggal dunia sebelum ini.

Seperti yang dinasihati oleh ibunya, Otu' tidak dibenarkan menangis kerana dipercayai akan membawa bencana kepada rumah seseorang.

Beliau tidak berhenti berfikir bagaimana untuk melahirkan kesedihannya, dan akhirnya beliau telah mencipta seruling hidung daripada bambu yang terdapat di kawasan rumahnya.


Beliau membunyikan seruling tersebut menggunakan hidung dan menghasilkan bunyi TUAHI, iaitu bunyi yang sangat menyakitkan dan menyedihkan.

Maka, melalui bunyi inilah beliau dapat melahirkan kesedihan beliau atas kematian ibunya.

Bunyi tuahi tersebut kedengaran hingga ke seluruh kampung. Mereka terpegun dengan bunyi yang tidak pernah didengar sebelum ini. Mereka seterusnya mencari dari mana datangnya bunyi tersebut hinggalah menjumpai rumah Otu'.

Sejak itu, menjadi tradisi dalam kalangan masyarakat Kadazan, tuahi dimainkan untuk menyampaikan berita bahawa seseorang telah meninggalkan dunia.

Nota: Cerita rakyat *Pomogunan* dan *Tuahi* kedua-duanya tergolong dalam cerita rakyat kepercayaan masyarakat Kadazan tentang bagaimana tercipta sesuatu seperti gunung-ganang dan alat muzik tradisi seruling hidung *tuahi*. Kedua-dua cerita ini telah ditranskripsi dan telah diterbitkan dalam buku *Susuzan do Kadazan*, 1999.




2.2 MONUGANDOI (Seni menyampaikan Sugandoi)

Sugandoi merupakan antara sastera lisan masyarakat Kadazan yang unik dan klasik. Ia ialah puisi seperti sajak yang mempunyai irama dan melodi yang tersendiri dan dinyanyikan tanpa muzik. Lirik *sugandoi* digubah dalam seni kata khas untuk mengekspresikan kesedihan dan perasaan keseorangan penyajak.

Sugandoi terdiri daripada rangkap-rangkap yang mempunyai suku kata yang sama bunyinya. Mesej suatu *sugandoi* lazimnya terdapat pada rangkap pembayang dan maksud (dalam bahasa kiasan) pada rangkap-rangkap di hujung atau akhir.

Sugandoi dahulunya disampaikan oleh kaum wanita yang mahir *monugandoi* semasa meratap dan *mogkoudu'* (berkabung) dengan seni kata yang sesuai untuk keadaan sedemikian. Bagi kaum lelaki, mereka menggunakan seruling hidung mengikut irama dan melodi *sugandoi* untuk mengeskpresi kesedihan. Semasa upacara *moginakan* (upacara ritual untuk kesyukuran), *sugandoi* dinyanyikan semasa mengambil *hisad* (sejenis daun palma untuk upacara ritual) untuk dibuat *sandangon* (jambak daun *hisad* yang kering untuk digunakan oleh kaum lelaki semasa menari tarian tradisi Kadazan, iaitu *sumazau*).

2.2.1 Petikan puisi sugandoi bertajuk “Kohu' do Pinomogun” yang diwarisi daripada nenek moyang



Sugandoi...
Do osogit ka nopo mati' diti mizau, oi Sugandoi.
Sugandoi...
Nga' kivaa po mati' do tibungon, oi Sugandoi.

Sugandoi...
Do osogit ka nopo mati' dovoken, oi Sugandoi.
Sugandoi...
Nga' kikuihib po mati' do mambai, oi Sugandoi.

Sugandoi...
Do osogit kangku nopo mati' izou, oi Sugandoi.
Sugandoi...
Nga' osogit mati' do potihombus, oi Sugandoi.

Sugandoi..., Sugandoi..., oi Sugandoi.

Terjemahan:

Sugandoi...

Jika yang masih hidup katakan kesejukan, wahai Sugandoi,

Sugandoi...

Dia masih ada selimut, wahai Sugandoi.

Sugandoi...

Jika orang lain katakan dia kesejukan, wahai Sugandoi,

Sugandoi...

Dia masih mempunyai kain gebar, wahai Sugandoi.

Sugandoi...

Jika saya katakan kesejukan, wahai Sugandoi,

Sugandoi...

Maka saya sejuk selama-lamanya [telah meninggal dunia], wahai Sugandoi.

Sugandoi..., Sugandoi..., wahai Sugandoi.

Puisi *Sugandoi* ini menyatakan isi hati dan menunjukkan kesedihan kerana keseorangan dan tidak mempunyai apa-apa.

Beberapa puisi *sugandoi* yang diwarisi daripada orang tua-tua yang arif terdahulu telah direkodkan dalam bentuk video dan audio, ditranskripsikan dan dibukukan supaya dapat dipelihara dan dijadikan warisan bercetak (*heritage-in-print*). Terdapat juga usaha melalui bengkel *sugandoi* untuk mengajar irama dan melodi *sugandoi* dan mencipta lirik baharu *sugandoi*.

2.3 HUMIUS (Seni menyampaikan hius)

Hius merupakan satu lagi sastera tradisi lisan yang unik dan klasik bagi masyarakat Kadazan. *Humius* ialah seni menyampaikan *hius* dan mempunyai alunan lagu yang bernada tinggi dan dinyanyikan tanpa iringan muzik. *Humius* ialah hiburan yang mengasyikkan dan menggunakan bahasa-bahasa yang indah. Ia juga mempunyai rangkap, menyampaikan ekspresi pengalaman dan budaya pemuisi, bahasa yang padat digunakan dan mempunyai makna yang mendalam.

Kemahiran *humius* semakin hilang ditelan zaman. Pada masa kini, hanya generasi tua sahaja yang berkebolehan dan hanya dipertunjukkan apabila ada permintaan. Dahulunya ia dinyanyikan semasa upacara keramaian di kampung-kampung dalam bentuk gurauan, sindiran dan nasihat yang membolehkan hasrat hati disampaikan secara sopan.

Humius dapat menampilkan kearifan masyarakat Kadazan dengan keunikan perkataan-perkataan klasik dan mesej-mesej yang mendalam yang digunakan dalam penyampaian. *Humius* disampaikan secara perseorangan atau dua orang berbalas atau secara berkumpulan.

**2.3.1 Puisi *hius* bertajuk: “Hius do Nipi di Hinopizan”
oleh Puan Rosina Sogondu**

TRANSKRIPSI

Hius di Tompuvan:

Do ubat-ubat ma di tondu' do hinopizan
Mugad ka do mongohu'
Mongohu' do poimizau
Mongohu' do poimata'
Nga' ii tiivo' di vo'ung!

Do manu po do mogumbaza',
Manu po do umapit.
Manu po do monulapa',
Manu po do modsulingat.

Do tingaton bo di Ulingai
Do daing ku do limbai gonditon
Do daing ku togulimboi
Do pinang ku do togulodon,
Do pinang ku do bintoungon.
Do tapu ku bandak sidangon,
Do gambil ku do sompinuok,
Do sigup ku tandai noiban.
Nga' ii tiivo' di vo'ung!

Hius do Husi' di Hinopizan:

Do au' zou bo i' tiumbaza',
Do au' zou bo i' tiapit.
Do au' zou bo i' tiponulapa',
Do au' zou bo i' tiponulingat.
Do tingaton bo di Ulingai,
Do tingaton i' bo do tompuvan.

TERJEMAHAN
HIUS/PUISI BERKAITAN MIMPI SI HINOPIZAN

Hius Si Pari-pari:

*Sayangnya gadis sangat cantik bernama Hinopizan
Dia ingin pergi ke puncak gunung Kinabalu (alam baka)
Dia pergi semasa masih bernyawa
Dia pergi masih hidup
Kembalilah wahai semangat!*

*Mari singgah dulu
Mari berhenti sebentar
Mari makan sirih pinang dahulu
Mari saya unjukkan sirih pinang.*

*Sirih pinang Si Ulingai [orang yang baik hati]
Daun sirihku yang rimbun
Daun sirihku yang subur
Buah pinangku yang bundar dan cantik
Buah pinangku yang bulat-bulat
Kapurku yang menjadi sangat merah apabila dikunya
Gambirku yang dipotong persegi
Daun sigupku yang dihiris halus
Kembalilah wahai semangat!*

Hius jawapan si Hinopizan:

*Saya tidak ingin singgah
Saya tidak ingin berhenti sebentar
Saya tidak ingin makan sirih pinang
Saya tidak ingin diunjukkan sirih pinang
Sirih pinang Si Ulingai
Sirih pinang Si Pari-pari.*

Hius do nipi di Hinopizan (Puisi berkaitan mimpi Si Hinopizan) ini terkandung dalam cerita rakyat (*tanong*) yang bertajuk *Nipi di Hinopizan* (Mimpi Si Hinopizan). *Hinopizan* merupakan seorang gadis yang cantik. Ibunya seorang *bobohizan tagazo/bohunkitas*, iaitu ketua pakar ritual.

Cerita Rakyat: Nipi di Hinopizan

li nopo ka nga' minoginipi ka i Hinopizan do nimaan simbito' do kondiu o tinimbuku dau

"Ina'," ka. "Doi minoginipi zou bo do sinimbit do kondiu o tinimbuku ku," ka. "Nga' mai gia sohuuto', Ina', do songinan o vogok," kaa ka. (Sohuuto' ka nopo nga' mooi pomogusa' om songinan o vogok do ponohuut.)

"Ii, aiso ponumadon," kaaka na'di Ina' dau, oupus.

"Do songinan po o tandaa', oi Ina'," kaaka.

"Dooi, aiso pingkukuukon," ka vagu'.

"Om tontoohu' po bo, oi Ina'," ka di Hinopizan.

"Ii...aiso paabakon, aiso panakagon," kaaka vagu'.

Ta, dadi' kaus nodii i Hinopizan tu', "Dooi podii di Ina' tu' oupus no kozo diti pokionuon ku. Mogot no mooi zou mugad mongohu'. Mongohu' do poimizau, mogohu' do poimata'," ka.

Dadi' mugad nodii do mooi kios, mooi patai no bo ino, nga' nombo noopo dii o kodunsongon dau.

Nga' poguhu i' dau do minugad, ngozo' no dau hiusai kaaka i jinjila' dau, ngozon dau pasanai do mamantau nodii zosido, om tumutub ngaavi' i jinjila' ka, au' asaga', oupus.

Om mugad nodii vagu' di toongobon, i vavazaan ka, om tikutub i' di vavazaan do tumutub, au' asaga'.

Mindau' dii ka vagu' di tukad om gumabas ngaavi' o tukad, au' asaga'. Nga' impio i' do minindau, minugad ka.

Nombo kaaka i sakot do avazaan nga' mimang ngaavi' uzou tu' au' asaga' do mamantau zosido, oupus.

Pamantau nodii kaaka zosido om kazu ngaavi' di avazaan nga' mimang ngaavi' aba' do madtahob dau tu' au' asaga', oupus ngaavi' di Hinopizan.

Kavaza' nodii kaaka do hamin do tompuvan.

Kokito no kaaka di Tompuvan om noikot nodii i Tompuvan do noupus om hiusai nodii kaaka.

***(Hius di Tompuvan** di sini)*

Nga' au' no ka napagangan, au' no mogumbaza' do ingkuo po ino tompuvan do humius do popoumbaza' nga' au' no ka.

***(Hius Husi' di Hinopizan** di sini)*

Dadi' oluai nodii ka kadampot, mabaaba' podii do mamantau ka.

Kavahui do koongou nopo di Ina' dau om noongoi i' dii vagu' di Ina' dau gusao' ka gia. Nogusa' i' di Ina' dau i Hinopizan.

Sinopsis cerita rakyat *Nipi di Hinopizan*:

Si Hinopizan bermimpi sanggulnya disambar helang [bermaksud semangat akan dibawa ke alam baqa atau kekal]. Maka dia meminta ibunya, seorang ketua bobohizan (pakar ritual) melakukan upacara untuk mengejar semangatnya (supaya semangatnya tidak terus ke alam baqa) dengan korban seekor babi. Tetapi, ibunya tidak setuju menjalankan upacara tersebut kerana sayang akan binatang itu. Hinopizan meminta lagi upacara mengejar semangatnya dilakukan dengan korban seekor ayam jantan. Begitu juga ibunya tidak setuju dengan alasan nanti tidak ada yang berkokok. Hinopizan meminta lagi upacara itu dijalankan dengan korban sebiji telur. Itu pun ibunya tidak setuju dengan alasan tidak ada yang akan menetas.

Maka, Hinopizan pun merajuk dan mengatakan jika begitu dia akan pergi ke alam baqa walaupun masih hidup. Dia memesan kepada tingkap, tingkap pun tertutup dengan sendirinya kerana tidak mahu Hinopizan pergi. Dia memesan kepada pintu, pintu pun tertutup dengan sendirinya kerana tidak mahu dia pergi. Dia menuruni tangga, tangga pun terlepas dengan sendirinya kerana tidak mahu dia pergi. Akan tetapi, dia meneruskan perjalanannya, rumput yang dipijaknya menjadi kering kerana tidak mahu dia pergi. Kayu pun rebah untuk menyekat perjalanannya kerana tidak mahu dia pergi. Tetapi, dia tetap meneruskan perjalanannya.

Maka, apabila dia lalu di rumah pari-pari, pari-pari juga cuba menahannya. Pari-pari menyampaikan hiusnya:

(Hius di Tompuvan di sini)

Tetapi, walaupun pari-pari itu humius/menyampaikan hiusnya, Hinopizan tidak boleh juga disekat. Dia membalas hius pari-pari:

(Hius do husi' di Hinopizan di sini)

Pada ketika Hinopizan hampir sampai, dia sudah sangat letih, ibunya pula datang untuk mengambilnya. Ibunya berjaya mengejar dan membawanya balik dan Hinopizan pun tidaklah sampai di alam baqa.

2.4 MAGAAGANDAI (Seni menyampaikan andai)

Sastera tradisi lisan yang seterusnya ialah *andai*. *Magaagandai* iaitu seni menyampaikan *andai* merupakan nyanyian puisi seperti sajak yang disampaikan oleh nenek semasa menimang bayi, terutama cucunya. Seperti dalam penyampaian *sugandoi* dan *hius*, *magaagandai* juga mempunyai irama dan melodi unik yang tersendiri dan teratur.

Puisi *andai* dalam *magaagandai* menggunakan bahasa harian dalam rangkap pertama dengan berbalas menggunakan bahasa klasik di rangkap berikutnya. Rangkap pertama mempunyai suku kata yang bersinonim dengan rangkap kedua. Bunyi suku kata satu pada satu rangkap juga mempunyai bunyi sama dengan yang berikutnya.

2.4.1 Seni kata puisi (sajak) magaagandai/menimang anak oleh Puan Rosina Sogondu

Andaandazo' ku i Zoton ka,
Inggiinggido' ku i Zagang ka.

Miad-iad no i Zungga' ka,
Mangi-tangi no i Zagang ka.

Nunu no maa iadan ka,
Nunu no maa itangi ka.

Miad mokipunga'an ka.
Miad mokiputondoo ka.

Punga'anai ku nopo ka,
Putandaai ku nopo ka.

Pasaasangazo' ku tombung ka,
Tu' ombung kosunizon ka.

li tivo' di volung ka.

Terjemahan seni kata magaagandai

Saya menimang Si Oton [panggilan bayi]

Saya menimang Si bayi.

Menangis Si Ungga' [panggilan bayi]

Menangis Si Agang. [panggilan bayi = merah]

Apa sebab menangis

Apa sebab menangis. [bahasa klasik]

Menangis meminta diberi nama

Menangis meminta diberi nama/panggilan. [bahasa klasik]

Saya berikan nama

Saya berikan panggilan.

Nama sama bunyi dengan rimbun

Supaya rimbun untuk membesar

Wahai semangat [manusia]!

3.0 PENUTUP

Kita telah melihat bagaimana tradisi lisan masyarakat Kadazan telah berkembang kepada sistem penulisannya. Tradisi lisan ini merupakan khazanah warisan budaya bangsa yang tidak ternilai harganya. Justeru, ia perlu dipelihara demi kemapanannya, dikaji, dipelajari, didokumentasikan dalam pelbagai media sebagai warisan bercetak (*heritage-in-print*) untuk diwariskan kepada generasi muda dan generasi seterusnya.

Selain itu, kita juga telah membincangkan kearifan tempatan masyarakat Kadazan daripada kesenian bahasanya melalui beberapa kesusasteraan lisannya termasuklah *mananong* (Seni menyampaikan cerita rakyat/*tanong*), *monugandoi* (Seni menyampaikan *sugandoi*), *humius* (Seni menyampaikan *hius*) dan *magaagandai* (Seni menyampaikan *andai*).

Justeru, diharapkan agar kearifan tempatan ini dapat dipelihara dan diperturunkan sebagai warisan generasi akan datang.

Penghargaan

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Puan Emilda Evon, Pegawai Penyelidik, KLF atas bantuan yang tidak ternilai dalam penyediaan kertas kerja ini.

BIBLIOGRAFI

1. Dompok, Jane et al. 1985. *I Biid om i Tambang*. Kota Kinabalu: Kadazan Cultural Association & Penampang Jaycees.
2. Flavier, J. M. 1995. *The Regional Program for the Promotion of Indigenous Knowledge in Asia*. In Warren DM, Slikkerveer LJ, Brokensha D (eds), *The Cultural Dimension of Development: Indigenous Knowledge Systems*, pp. 479-487. London: Intermediate Technology Publications.
3. Lasimbang, Rita .1999. *Susuzan do Kadazan*. Kota Kinabalu: Kadazandusun Language Foundation.
4. Lasimbang, Rita. 2017. *Languages in the Malaysian Education System: Monolingual Strands in Multilingual Settings: Teaching Kadazandusun as Mother Tongue*. London: Routledge.
5. Lasimbang, Rita. 2018. *Penerapan Hasil Pilihan Otografi Ke Dalam Bahasa Kadazandusun*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Bahasa, Budaya dan Sastera Masyarakat Kadazan Dusun. Anjuran Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) Kent, Tuaran dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak. Tuaran, 27 dan 28 Mac 2018.
6. Sipolou, Lena J. & Regina Bruno. 2000. *I Buu om i Bado*. Kota Kinabalu: Kadazandusun Language Foundation.
7. Thompson, S. (2017 May, 2). Folk literature. Encyclopedia Britannica. Access November 8, 2020, from <https://www.britannica.com/art/folk-literature>.
8. Informan: Puan Rosina Sogondu
83 tahun
Pakar Tradisi Lisan Kadazan
Kg. Nampasan, Penampang, Sabah.